



UDA HOLDINGS BERHAD

(347508 T)

**MAKLUMAN BERKAITAN ISU OPERASI LEBIH MASA DI TAPAK PEMBINAAN AZSB
BAGI PROJEK LEGASI KAMPONG BHARU MILIK UDA HOLDINGS BERHAD**

Kuala Lumpur, 15 Februari 2018 – Berkaitan isu operasi lebih masa di tapak pembinaan AZSB bagi projek Legasi Kampong Bharu milik UDA Holdings Berhad, pihak kami memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi. Di sini pihak kami ingin menjelaskan berhubung tapak pembinaan yang dikendalikan oleh kontraktor utama iaitu Ahmad Zaki Sdn. Bhd. (AZSB) bagi projek pembinaan Legasi Kampong Bharu beroperasi lebih masa.

Untuk pengetahuan, waktu operasi yang diluluskan mengikut permit di tapak pembinaan itu adalah pada 7.00 malam hingga 3.00 (Isnin hingga Khamis), 7.00 pagi hingga jam 7.00 malam (Jumaat dan Sabtu), dan 10.00 pagi hingga 5.00 petang (Ahad). Pihak UDA sentiasa memastikan kontraktor utama iaitu AZSB mematuhi waktu operasi yang ditetapkan agar projek berjalan lancar selain memastikan kesejahteraan penduduk sekitar.

UDA memandang serius aduan berkenaan dan tidak akan bertolak ansur sekiranya pihak AZSB tidak memberi kerjasama. Pihak kami juga akan terus memantau kerja-kerja dijalankan AZSB di tapak pembinaan Legasi Kampong Bharu.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- Nor Hanisah Kamaruzaman | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855